




JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. QMS 02304



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4(10)
Tarikh : 6 April 2023

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB. Dato'/ YBhg. Dato' Seri/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan,

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023
KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 5 April 2023 telah bersetuju meluluskan bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri sebanyak 0.75 bulan gaji atau minimum RM1,500.00 sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun 2023. **Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 2 Tahun 2023 rujukan PSUKPP/01/0755/6 (16) bertarikh 6 April 2023 adalah dirujuk.**

3. Ketua Jabatan dikehendaki mematuhi tatacara pembayaran BKK ini seperti berikut:

a) Pembayaran melalui sistem berkomputer

- i) Cetak Laporan G004 (Senarai Edit Pembayaran - Bayaran Khas Kewangan);
- ii) Semak dan kenalpasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan Tahun 2023;
- iii) Kemaskini data sebenar ke dalam sistem iSPEKS ;

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (10)
Tarikh : 6 April 2023

- iv) Laporan G004 yang telah dikemaskini hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan dengan ayat seperti berikut: dan

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pindaan yang dibuat tepat dan betul. Sekiranya terdapat lebihan/kurangan jabatan ini bertanggungjawab untuk membuat pelarasan sewajarnya”.

.....
(Tandatangan & Cop Jabatan)

- v) Pastikan tindakan a(i) hingga a(iv) di atas dilaksanakan mulai **6 April 2023** dan laporan yang telah disahkan hendaklah dikemukakan ke Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Perakaunan (Bendahari Negeri) pada **7 April 2023 sebelum jam 4.00 petang**.

b) Pembayaran Melalui Arahan Bayaran

Sediakan Arahan Bayaran melalui Modul Akaun Belum Bayar dan lampirkan salinan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan seseorang Pegawai (Kew. 8) dan penyata pengiraan sebagai dokumen sokongan.

c) Kod Akaun

Kod Akaun yang perlu digunakan bagi bayaran BKK ini adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Perihal Kod
B0117102	Bantuan Khas Kewangan
B0229306	Bantuan Khas Kewangan - Kontrak

4. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar pada **17 April 2023 (Isnin)** dan menjadi tanggungan jabatan mengikut pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran atau jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

5. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan bayaran BKK ini dibuat kepada pegawai yang layak selaras dengan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil. 2 Tahun 2023**. Penyata Kew. 8 (manual) hendaklah disediakan dan bayaran BKK ini hendaklah direkodkan di dalam buku perkhidmatan pegawai.

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (10)
Tarikh : 6 April 2023


6. Untuk makluman, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan MOF.TAX(S)700-1/3/14 Jld.2 (8) bertarikh 30 Januari 2023 telah bersetuju meluluskan pengecualian cukai pendapatan ke atas bayaran BKK kepada Perkhidmatan Awam Negeri bagi Pegawai Gred 56 dan ke bawah yang disalurkan pada tahun 2023.

7. Kerjasama pihak YB. Dato'/ YBhg. Dato' Seri/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan, dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"CEKAP, AKAKUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

☎ : 604-6505185

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

s.k. : YB Pegawai Kewangan Negeri

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri

zu/bkk/april23